

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Harian Metro

TARIKH : Jumaat, 12 Januari 2018

M/S : 36

36 setempat

12-01-2018

TENGGU Abdullah (kiri) menyerahkan Buku Istana Pahang: The Palace of Pahang kepada Mohamed Nazri selepas majlis pelancaran buku berkenaan.

Terus dukung institusi kesultanan Melayu

Kuala Lumpur: Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah melahirkan ke-
risauan memandangkan ada pihak tertentu cuba mengambil peluang, salah guna serta salah tafsir keakraban institusi kesultanan.

Menurut baginda, oleh kerana tindakan segelintir minoriti terbabit, ia menjejaskan nama baik institusi kesultanan yang lama bertapak di negara ini.

Justeru, baginda mahu pemimpin dan orang Melayu terus menghormati dan mendukung institusi kesul-

tanan Melayu.

“Beri penghormatan sewajarnya kepada pihak institusi diraja kerana kalau kita orang Melayu tidak mengambil berat, tidak memberi penghormatan, siapa lagi?”

“Ya, saya tahu ada lagi kaum lain yang sudah pun nampak hendak berapat-rapat mengeratkan silaturahmi, tetapi tunjang raja Melayu ialah orang Melayu sendiri.

“Jangan kita cepat melatah, menjejaskan keharmonian, keakraban antara institusi diraja bersama orang

Melayu. Saya sentiasa berdoa dan mengharapkan pemimpin daripada institusi Melayu, apa nama sekalipun, apa warnanya akan kembali mendukung institusi kesultanan diraja,” titah baginda.

Titah baginda itu sempena Majlis Pelancaran Buku Istana Pahang: The Palace Of Pahang dan Pelancaran Revisit Pahang Year 2018 di Perpustakaan Negara Malaysia, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Nazri Aziz dan Menteri Besar Pahang Datuk



FOTO: ASYRAF HAMZAH

Seri Adnan Yaakob.

Menyentuh mengenai Revisit Pahang, Tengku Abdullah bertitah, satu lonjakan besar perlu dilakukan bagi menarik lebih ramai pelancong ke negeri itu.

“Kalau kita dapat memberi fokus kepada satu atau dua kawasan sebagai satu tarikan

yang berlainan, mungkin ini akan menjadi satu tempat yang menjadi buah mulut kepada pelancong,” katanya.

Baginda juga menarik perhatian berkenaan kawasan dilanda banjir di negeri itu yang mungkin boleh dijadikan sebagai tumpuan.

“Mungkin kita boleh dijadikan kawasan banjir sebagai satu tarikan. Kepada mereka yang berada dalam negara kita, bolehlah datang melawat kawasan banjir dan membantu. Ini boleh juga menjadi satu tarikan kalau dibuat dengan sebaik mungkin,” katanya.